

# Punca projek lapangan terbang tertunggak

BH 17 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Selasa – Program pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud di Kuala Terengganu tertangguh berikutan kerajaan negeri pimpinan Pas gagal membayar kos pengambilan tanah.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata kerajaan Terengganu menyertakan ketika ini ia tidak mampu menampung bayaran pengambilan tanah bagi projek itu.

“Kerajaan negeri terpaksa menanggung beban kewangan yang besar jika pengambilan tanah itu dibayar sepenuhnya,” katanya kepada pemberita selepas menemui rombongan kerajaan Terengganu diketuai Menteri Besar, Abdul Hadi Awang di sini hari ini.

Projek berharga kira-kira RM300 juta yang

sepatutnya sudah bermula itu, bertujuan menampung pertambahan penerbangan haji ke Jeddah. Berikutan masalah itu, ia kini terhenti sementara menunggu kajian semula Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Dr Ling berkata, berikutan penangguhan itu, perjanjian asal di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Terengganu sebelumnya, kini terbatal dengan sendirinya.

Sebelum ini, kerajaan negeri pimpinan Barisan Nasional meluluskan peruntukan khas untuk membiayai kos pengambilan 34.4 hektar tanah yang diperlukan untuk projek itu.

Fasa kedua projek berkenaan, yang akan menjadikan lapangan terbang itu sebagai pintu masuk utama Pantai Timur, memerlukan kira-kira 89.20 hektar tanah tambahan bagi tempoh jangka panjang.

Majlis pecahan tanah projek itu, yang turut menaikkan taraf lapangan terbang terbabit kepada tahap antarabangsa, disempurnakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 26 November tahun lalu.

Ia membabitkan pembinaan bangunan terminal baru, kawasan pergerakan dan letak pesawat lebih besar serta landasan tambahan sepanjang 3,575 meter, sekaligus membolehkan pesawat lebih besar seperti B747-400, mendarat.

Selain itu, ia turut membabitkan pembinaan dua jejantas udara, menara kawalan baru, peningkatan taraf sistem pendaratan selain kompleks medan kereta. Projek itu sepatutnya disiapkan menjelang Disember 2001.

Ketika ini, lapangan terbang berkenaan hanya mampu menampung pesawat bersaiz B737 saja. Cadangan pembesaran lapangan terbang itu dikemukakan oleh Kerajaan Terengganu sebelum ini, yang bersetuju menyediakan tanah tetapi kos pembangunan disempurnakan Kerajaan Pusat.

Dr Ling berkata, penangguhan projek itu akan dirujuk semula kepada EPU, yang sebelum ini sudah meluluskan pembinaannya. Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan kos pengambilan tanah untuk projek berkenaan.

“Kedua-dua pihak akan meneruskan perbincangan berhubung isu ini,” katanya sambil menegaskan, kerajaan sudah melakukan apa yang perlu termasuk melantik kontraktor dan juru perunding. KLIA Berhad (KLIAB) dilantik sebagai perunding projek berkenaan.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Ling berkata, kerajaan bersetuju melaksanakan pembinaan landasan pesawat di Pulau Redang, tetapi memerlukan penilaian kesan alam sekitar (EIA), bagi memastikan ia tidak menjejaskan keindahan dan hidupan laut.

“Kita perlu mengetahui jumlah pembangunan yang mampu dilakukan di Pulau Redang tanpa menjejaskan persekitaran pulau berkenaan,” katanya.